

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI
[SIBUTI]**

SOALAN

YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang boleh dilakukan oleh pihak Kerajaan bagi membolehkan sesi mahkamah litar Niah dapat dilakukan sebanyak 2 kali seminggu berbanding sebulan sekali bagi membolehkan banyak kes tertangguh dibicarakan.

**JAWAPAN [YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)]**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Majistret Batu Niah adalah litaran dari Mahkamah Majistret Miri. Bermula Jun 2020, mahkamah litaran ini bersidang sebanyak 4 kali sebulan iaitu 2 hari seminggu iaitu pada minggu kedua dan minggu keempat. Sebelum Jun 2020 mahkamah litaran ini hanya bersidang 1 kali sebulan di Mahkamah Batu Niah.

Setakat ini, jumlah kes yang masih aktif di Mahkamah Batu Niah hanyalah sebanyak 49 kes merangkumi kes sivil dan jenayah. Berdasarkan jumlah kes ini, jelas menunjukkan bahawa tiada keperluan pada masa ini untuk menambah kekerapan persidangan Mahkamah Batu Niah.

Sekian, terima kasih.